



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
17 October 2015		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MPSepang naik taraf laluan trek basikal
Muka Surat	:	37

## MPSepang naik taraf laluan trek basikal

**SEPANG** – Laluan trek basikal dari Persiaran Semarak Api hingga Persiaran Apec, Cyberjaya akan dinaik taraf Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) dengan anggaran kos perbelanjaan sebanyak RM100,000.

Yang Dipertua MPSepang, Puasa Md Taib berkata, laluan itu juga membolehkan jajaran di Persiaran Flora, Cyberjaya.

Kemudahan itu perlu dinaik taraf berikutan mengalami kerosakan dan majlis perlu menambahkan beberapa tanda isyarat di laluan.

Puasa berkata, terdapat cadangan daripada ahli majlis yang mahukan laluan basikal diper-

luaskan bukan sahaja di Cyberjaya tetapi juga ke kawasan lain di daerah Sepang.

“Saya sudah arahkan bahagian perancang sediakan ‘master plan’ laluan basikal, kita akan bantangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infra untuk diterima.

“Pelaksanaan hanya dapat dibuat sekiranya bajet mencukupi,” katanya.

Beliau turut memberitahu, tahun depan juga pihak majlis merancang untuk membina laluan basikal di Persiaran Multimedia, bagaimanapun ia bergantung kepada peruntukan yang sedia ada.